



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	15.08.22	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	JPSM		

Alor Setar: Dua empangan sabo di kaki Gunung Inas, Baling akan dibina secepat mungkin bagi memperlancarkan aliran air sungai dan menyekat aliran puing yang boleh mengakibatkan berlaku fenomena kepala air di kawasan berpenduduk.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengenal pasti lokasi bagi pembinaan empangan itu yang sebelum ini dibina di kaki Gunung Jerai, Yan.

"Di Gunung Inas, JPS beritahu nak bina dua empangan sabo, akan dibuat majlis pecah tanah secepat

Dua empangan sabo akan segera dibina di Gunung Inas: MB

mungkin bagi pembinaan empangan pertama untuk memperlancarkan aliran air dan menahan reba-reba kayu daripada menghentam orang ramai," katanya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas langkah pemulihan kerosakan kawasan hutan di Gunung Jerai ekoran aktiviti ladang hutan dan kesan bencana aliran puing pada 4 Julai lalu.

Muhammad Sanusi berkata, kesan kerosakan akibat

aliran puing di gunung itu, jika dipulihkan sekalipun dengan ditanam semula pokok hutan, akan terus menjadi laluan air pada masa akan datang.

Katanya, apa yang boleh dilakukan di kawasan itu ialah membina empangan sabo bagi memperlancarkan aliran air.

Beliau berkata, insiden hutan yang terjejas dan menjadi laluan air bukan hanya berlaku di Gunung Inas, tetapi juga di kawasan lain.

"(Kawasan) Yang sudah ditebang atau dibalak, 30 tahun (lagi) ia akan jadi hutan balik, di tempat lain pun kalau kawasan hutan itu sudah jadi laluan air, bentuk muka buminya akan kekal macam itulah," katanya.

Bencana banjir dan aliran puing yang berlaku pada 4 Julai lalu meragut tiga nyawa termasuk seorang wanita hamil empat bulan serta men-

jejakan 12 kampung sekitar Daerah Baling.



HM150822_10

